

# Pegawai boleh minta kebenaran berpolitik jika tiada percanggahan

BH 20 APR 2001

GENTING HIGHLANDS, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan hanya boleh mempertimbangkan pegawai kumpulan A yang tidak mempunyai percanggahan kepentingan untuk bergiat cergas dalam politik kepartian.

Perdana Menteri berkata, pegawai yang tidak mempunyai percanggahan kepentingan boleh meminta kebenaran berbuat demikian dan terpulang kepada kerajaan untuk membenarkannya atau tidak.

“Kerajaan cuma boleh timbang bagi pegawai tertentu saja yang tidak mempunyai percanggahan kepentingan dalam menjalankan tugasnya. Kalau dida-

pati tidak ada percanggahan kepentingan, dia boleh minta kebenaran.

“Terpulanglah kepada kerajaan nak bagi kebenaran atau tidak,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan 2001 di Institut Aminuddin Baki (IAB), di sini hari ini.

Beliau mengulas pemilihan Penolong Gabenor Bank Negara (Operasi dan Pelaburan), Datuk Dr Awang Adek Husin sebagai Timbalan Ketua Umno Bahagian Bachok di Kelantan.

Dr Awang Adek, 46, dipilih ke jawatan itu setelah menewaskan bekas Ketua Pemuda bahagian

itu, Helmi Yusoff, dengan majoriti 138 undi pada pemilihan di mesyuarat bahagian terbabit baru-baru ini.

Perhimpunan Khas Umno, November lalu antara lain meluluskan fasal 6.3.4 perlembagaannya bagi membolehkan pegawai Kumpulan A menawarkan diri bertanding dan jika dipilih, mereka boleh memegang jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, Perkara 21 (1) Perintah Am untuk Kakitangan Awam (Perilaku dan Disiplin) 1993 melarang pegawai dalam Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional mengambil bahagian secara aktif dalam

parti politik.

Berdasarkan Perkara 21 (5), mereka hanya dibenar menjadi anggota biasa. Mereka juga dikehendaki memberitahu ketua jabatan masing-masing mengenai keanggotaan mereka dalam parti politik.

Ditanya sama ada kerajaan perlu mengkaji semula Perintah Am itu, Dr Mahathir berkata Perintah Am itu masih dikuatkuasakan.

“Kerajaan tidak mempunyai sebarang masalah kerana sejak dulu lagi memang biasa juga (kerajaan) memberi peluang kepada pegawai kerajaan menyertai politik asalkan ia tidak menyebabkan percanggahan kepentingan.

“Kita tak bagi secara

rambang untuk semua (pegawai), kerana kadangkadangkang, apa akan jadi kalau ketua bahagian itu budak pejabat dan dia nak bekerja di bawah seorang DO (Pegawai Daerah), jadi masalah, ada percanggahan kepentingan.

“Sebab itu kita kena berhati-hati. Kalau nak bagi (beri kebenaran) pun, kita kena timbang betul-betul,” katanya.

Sebelum ini, pemimpin Umno menyatakan bahawa parti itu tidak menyekat pegawai kumpulan A untuk bertanding dan memegang jawatan dalam parti dan terpulang kepada pegawai itu sendiri membuat keputusan berkaitan perintah am.